

TARIKH	20 / 7 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	8	RUANGAN	Nasional

## Najib hadiah jubah kepada imam

**Serdang:** Seramai 14,254 imam dan 138,746 ahli jawatankuasa masjid dan surau ditauliahkan solat Jumaat dihadiahkan kain bermutu tinggi pilihan Datuk Seri Najib Razak, untuk dibuat jubah.


Selain itu, setiap masjid dan surau berkenaan turut menerima pemberian masing-masing 10 kilogram kurma dan air zam zam.

Sumbangan itu disampaikan Perdana Menteri kepada wakil setiap negeri pada Majlis Perhimpunan Perdana Warga Imam dan Jawatankuasa Masjid Seluruh Negara di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini, semalam.

"Sebab kita sudah sampaikan awal, saya berharap tok imam pakailah (jubah dari pada) kain baru ini pada 1 Syawal nanti," katanya yang turut berharu dengan ucapan Imam Besar Masjid Zahir, Alor Setar, Roslan Abdul Halim.

Dalam ucapannya, Roslan yang juga perenerima Anugerah Tokoh Imam Kebangsaan 2011 menyatakan sokongan padu kepada kerajaan yang disifatkan begitu prihatin dengan kebijakan imam dan jawatankuasa masjid dan surau.

Najib turut mengumumkan bilangan imam dan pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Ke-



Sebahagian hadirin Majlis Perhimpunan Perdana Warga Imam dan Jawatankuasa Masjid Seluruh Negara di Serdang, semalam.

[FOTO NSTP/AIZUDDIN SAAD/BH]

**Najib Razak,  
Perdana Menteri**

selamatkan Kampung (JKKK) yang ditawarkan mengerjakan haji di bawah tajaan 1Malaysia Development Berhad (1MDB), dinaikkan kepada 400 orang tahun ini, berbanding 111 tahun lalu.

"Apabila saya tanya tok imam, baru saya dapat tahu ada yang tiada simpanan dalam Tabung

Haji, ada yang sikit sangat RM100 RM200, ada yang tidak ingat banyak mana simpanan... sedih saya dengar. Sebab itulah tahun ini kita naikkan kepada 200 imam dan 200 ketua kampung.

"Insyah-Allah, kita akan teruskan program ini supaya semua imam berpeluang untuk menuaikan ibadat haji jika mereka tidak ada kemampuan berbuat

demikian. Inilah komitmen kita," katanya.

Sambil menegaskan kebaikan imam yang menjadi nadi dan tunjang perkembangan syiar Islam sentiasa diberi perhatian, Najib berkata, amat penting untuk mereka 'bergerak segerak bahu-membahu' dengan kerajaan untuk membantu negara mencapai Wawasan 2020.